



SIARAN MEDIA

305 PROJEK (35,468 UNIT RUMAH) PERUMAHAN SWASTA BERJAYA DIPULIHKAN DENGAN NILAI GDV SEBANYAK RM23.46 BILION BAGI SEPARUH TAHUN 2024

SEPANG, 27 OGOS 2024 – Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu dalam lawatan tapak *Task Force* KPKT ke projek perumahan swasta terbengkalai Taman Desa Anjung Putra, Sepang, Selangor hari ini memaklumkan bahawa selain daripada menyediakan peruntukan bagi pemulihan projek terbengkalai, KPKT juga bekerjasama dengan pemaju asal, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi teknikal terlibat dalam usaha memulihkan projek sehingga memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Taman Desa Anjung Putra, Sepang, Selangor yang dimajukan oleh Amanahraya Development Sdn. Bhd. ini telah disahkan terbengkalai oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 9 Februari 2022 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118). Pemajuan ini melibatkan 18 unit Rumah Sesebuah Dua (2) Tingkat dalam kategori harga tinggi iaitu antara RM567,728.10 hingga RM1,200,000.00.

Tarikh Perjanjian Jual Beli (PJB) pertama projek adalah pada 24 Disember 2010 dan ia sepatutnya siap pada 24 Disember 2012. Semasa projek ini disahkan terbengkalai, kemajuan telah mencapai 97.50% dan pemaju tidak berjaya memperoleh CCC dalam tempoh ditetapkan kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi teknikal dan Majlis Perbandaran Sepang. Dalam tempoh pemulihan projek yang dipantau dan dimediasikan oleh KPKT, pelbagai isu teknikal telah berjaya diselesaikan. Antaranya adalah isu pencawang TNB, isu permohonan permit untuk pemasangan kabel daripada Koridor Utiliti Selangor (**KUSEL**), isu jalan masuk dengan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyelarasan dengan Majlis Perbandaran Sepang bagi memudahkan proses kelulusan.

Projek ini dijangka akan memperoleh **CCC pada bulan September 2024** memandangkan hampir kesemua surat sokongan bagi tujuan pengeluaran CCC telah diperolehi. Seramai **18 orang pembeli** yang telah menunggu unit masing-masing selama **12 tahun** akan mendapat manfaat daripada pemulihan projek ini yang mempunyai **Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value, GDV) berjumlah RM14.8 juta.**

YB Datuk Hajah Aiman Athirah turut mengumumkan bahawa bagi pelaporan TFST KPKT bulan Julai 2024, terdapat sebanyak **231 projek perumahan berstatus lewat, 382 projek sakit dan 114 projek terbengkalai** telah dikenal pasti dan direkodkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). Kesemua projek lewat, sakit dan terbengkalai yang terkini membawa **GDV sebanyak RM147.28 bilion.**

Pencapaian keseluruhan sejak TFST ditubuhkan pada 30 Disember 2022, bagi tempoh bermula **Disember 2022 hingga 31 Julai 2024, sebanyak 757 projek berjaya dipulihkan iaitu 89,165 unit rumah dengan GDV sebanyak RM63.27 bilion.** Manakala pencapaian TFST bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 31 Julai 2024 adalah sebanyak **305 projek iaitu 35,468 unit perumahan swasta telah berjaya dipulihkan dengan GDV bernilai RM23.46 bilion.** Jumlah projek yang berjaya dipulihkan ini merangkumi **286 projek** yang telah memperoleh CCC, **14 projek** yang berstatus lewat kembali menjadi lancar dan **lima (5) projek** terbengkalai berjaya dipulihkan melalui kaedah penyiapan projek sehingga memperoleh CCC/CFO dan kaedah penyelesaian pembeli.

Kejayaan ini menunjukkan bahawa usaha dan intervensi Kerajaan MADANI dalam memastikan projek-projek yang bermasalah ini dapat kembali lancar dan disiapkan bagi mencapai matlamat untuk diserahkan kepada pembeli. Status projek-projek ini yang dilaporkan secara berkala melalui mesyuarat TFST turut diperhalusi bagi mencari jalan penyelesaian sewajarnya.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 ini, lawatan tapak dan pemantauan secara rapi merupakan agenda tetap dan dipergiatkan oleh pasukan KPKT. YB Timbalan Menteri telah turun padang meninjau 16 lawatan tapak projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai yang diuruskan oleh JPN di mana tujuh (7) daripadanya telah diadakan pada bulan Jun 2024. Lawatan-lawatan tapak ini meliputi projek-projek yang terletak di negeri Pahang, Selangor, Perak, Pulau Pinang sehingga ke Perlis.

Menurut YB Timbalan Menteri, “Sesi libat urus yang diadakan ini merupakan **kaedah yang efektif** dalam menyelesaikan isu-isu di tapak terutama dengan **kerjasama PBT dan agensi-agensinya teknikal** yang berkaitan. Pelaksanaan sesi libat urus ini juga membuka ruang kerjasama yang lebih erat dengan jabatan/agensi di peringkat daerah dan negeri serta melancarkan lagi proses kerja terlibat.”

Beliau turut memaklumkan bahawa KPKT telah menerima aduan daripada pembeli dan mengenalpasti beberapa projek terbengkalai yang telah dikeluarkan daripada senarai projek terbengkalai namun masih tidak diselesaikan sepenuhnya iaitu pembeli tidak menerima unit masing-masing atau tidak menerima balik bayaran deposit serta pampasan yang dijanjikan. Justeru, **pasukan TFST sedang melaksanakan penyiasatan dan semakan semula dengan PBT, pihak pelikuidasi dan akan mengadakan lawatan tapak untuk mendapatkan pengesahan status terkini projek-projek tersebut. Hal ini bagi melaksanakan pertimbangan lanjut sebelum projek-projek terlibat dimasukkan semula dalam statistik projek terbengkalai sedia ada.**

Hal ini menunjukkan KPKT sentiasa berusaha mencari jalan dalam menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat. Usaha berterusan *Task Force* KPKT akan dilaksanakan bagi membolehkan para pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek perumahan swasta lewat, sakit dan terbengkalai dibantu sebaik mungkin demi kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

